



SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

NESTLÉ MENJAMIN KESELAMATAN PRODUKNYA DI MALAYSIA

Petaling Jaya, 22 September 2008 – Nestlé Malaysia memberi jaminan kepada para pengguna dan pelanggan bahawa semua produknya adalah selamat untuk dimakan.

Nestlé Malaysia membuat kenyataan bahawa susu tepung yang digunakan di dalam semua produk berasaskan tenusu yang dikilangkan dan diedarkan oleh Syarikat diimport dari Australia, New Zealand, Eropah atau Amerika Syarikat.

Bagi semua jenis susu tepung Nestlé di Malaysia termasuklah NAN, LACTOGEN, NESLAC, NESPRAY, EVERYDAY dan NESTLÉ Omega Plus dan produk berasaskan tenusu seperti MILO, aiskrim NESTLÉ dan rangkaian yogurt NESTLÉ, susu tepung yang digunakan sebagai bahan mentah atau ramuan adalah dari Australia, New Zealand, Eropah atau Amerika Syarikat. Nestlé Malaysia tidak mengimport sebarang susu tepung dari China.

Semua susu tepung yang dibekalkan kepada Nestlé telah diuji dan disahkan selamat dan mutu terjamin. Nestlé mengamalkan langkah-langkah kawalan kualiti dan penilaian risiko yang tegas dan ketat di setiap bahagian penyelenggaraan bekalan bahan mentah dan proses pengeluarannya. Kami mematuhi piawai keselamatan yang tertinggi dan memberi jaminan kepada semua pelanggan dan pengguna bahawa produk Nestlé selamat untuk dimakan.

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD

(Company No. 110925-W)

GROUP CORPORATE AFFAIRS & WELLNESS UNIT

NESTLÉ HOUSE, 4 LORONG PESIARAN BARAT, 46200 PETALING JAYA, SELANGOR, MALAYSIA
TEL: 03-7965 6000 FAX: 03-7965 6767 Website: www.Nestlé.com.my

Selain itu, kami juga menerima jaminan daripada pembekal terbesar susu tepung kami yang menyatakan, “*semua produk yang dijual dan dipasarkan di luar China dan Taiwan bebas dari sebarang kemungkinan pencemaran melamin dari sumber susu mentah tempatan di Cina dan mematuhi piawaian ketat New Zealand dan antarabangsa.*”

Sebagai jaminan tambahan kepada para pengguna tempatan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dari Kementerian Kesihatan Malaysia turut membuat kenyataan minggu lepas yang mengesahkan keselamatan produk tenusu di dalam negara. Nestlé turut berhubung dengan pihak Kementerian bagi mengesahkan keselamatan produknya di Malaysia.

Sehubungan dengan laporan akhbar baru-baru ini yang mendakwa kesan melamin telah dijumpai di dalam susu tumbesaran keluaran Nestlé di Hong Kong, ibupejabat Nestlé di Switzerland telah mengeluarkan kenyataan bahawa Syarikat berasa yakin bahawa produknya yang dijual dan diedarkan di China tidak tercemar dengan melamin.

Jabatan Makanan dan Kebersihan Alam Sekitar, kerajaan Hong Kong juga telah mengeluarkan laporan yang menyatakan NESLAC Gold 1+, yang disebut di dalam laporan akhbar terbabit, adalah selamat dan tiada melamin dikesan di dalam produk tersebut. NESLAC Gold 1+ sebelum ini telah diuji oleh makmal bebas yang diluluskan oleh kerajaan seperti Pusat Pengujian dan Piawaian Hong Kong (18-20 September) dan Penyelidikan dan Pembangunan Industri Makanan di Taiwan (16 September). Kedua-dua ujian memutuskan bahawa tiada pencemaran melamin yang dikesan di dalam produk. NESLAC Gold 1+ dari China tidak dijual di Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, para pelanggan dan pengguna Nestlé boleh menghubungi Pusat Khidmat Pengguna Nestlé di 1-800-88-3343 ketika waktu pejabat.

Dikeluarkan untuk dan bagi pihak Nestlé (Malaysia) Berhad oleh Unit Hal-Ehwal Korporat dan Kesejahteraan Kumpulan. Untuk keterangan lanjut tentang siaran akhbar ini, sila hubungi Cik Rafizah Amran di Tel: (603) 7965 6272; Telefon Bimbit: (6012) 239 6455; atau Emel: Rafizah.Amran@my.Nestlé.com
